

KEBERKESANAN APLIKASI *GOOGLE PLUS* TERHADAP PENCAPAIAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH SRAI

Musrifah Sarjoni,¹ Fadzilah Abd Rahman,²
Azhar Md Sabil³, dan Mas Nida Md Khambari⁴

Abstrak

Perkembangan pesat teknologi telah mengubah dimensi pendidikan. Kemunculan aplikasi Web 2.0 telah membolehkan orang ramai untuk berhubung dan bekerjasama menerusi komputer. Web 2.0 diperkenalkan dalam pendekatan pembelajaran dan telah mula mengorak langkah baru dalam proses pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanannya penggunaan *Google Plus* terhadap pencapaian murid, minat dan tahap penggunaan aplikasi. Penyelidikan kuasi eksperimen digunakan untuk murid tahun 6 dalam mempelajari bahasa Melayu dari Sekolah Rendah Agama Integrasi di kawasan Selangor. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan analisis kesimpulan (ujian t). Rancangan pengajaran dan soal selidik diedarkan dalam kalangan kumpulan eksperimen. Di samping itu, ujian untuk menilai pencapaian murid dengan menggunakan pemformatan kertas ujian Bahasa Melayu 1 dan kertas ujian Bahasa Melayu 2 juga digunakan dalam pengumpulan data. Dapatkan menunjukkan bahawa pencapaian akademik murid dengan menggunakan *Google Plus* dengan markah A (min 85.65) berbeza secara signifikan daripada murid yang diajar dengan pendekatan tradisional, dengan markah B (min 73.55). Selain itu, skor min bagi murid yang minat menggunakan *Google Plus* dalam pembelajaran bahasa Melayu ialah 4.55. Selain itu, min tertinggi (min 4.70) ditunjukkan untuk tahap penggunaan *Google Plus*. Kesimpulannya, keputusan menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi *Google Plus* dalam pembelajaran bahasa Melayu menunjukkan keberkesanannya dalam meningkatkan pencapaian akademik murid, minat dan tahap penggunaan *Google Plus*.

¹ Musrifah Sarjoni adalah calon PhD dalam bidang Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. E-mel: srifah74@gmail.com

² Fadzilah Abd Rahman, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. E-mel: dzila@upm.edu.my.

³ Azhar Md Sabil, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. E-mel: azhar.sabil@upm.edu.my.

⁴ Mas Nida Md Khambari, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. E-mel: khamasnida@upm.edu.my.

Kata kunci: aplikasi Web 2.0, *Google Plus*, pembelajaran atas talian, pembelajaran Bahasa Melayu

**THE EFFECTIVENESS OF USING GOOGLE PLUS
APPLICATION ON STUDENT'S ACHIEVEMENT
OF LEARNING MALAY LANGUAGE IN
INTEGRATED ISLAMIC ELEMENTARY SCHOOL**

Abstract

*The rapid development of technologies has changed the educational dimension. The emergence of Web 2.0 application has enabled people to connect and collaborate through computers. Web 2.0 was introduced in learning approach and has begun to take a new step in learning process. This study aimed to identify the effectiveness of using Google Plus on students' achievement, interest and the level of use the application. A quasi-experimental research is employed which involve year 6 students in learning Malay language from Integrated Islamic Elementary School in Selangor areas. Data was analyzed by using descriptive analysis and inferential analysis (*t*-test). Lesson plan and questionnaire were distributed among the experiment group. Besides, test to assess the student's achievement by using current formatting of Malay language test paper 1 and Malay language test paper 2 also used in data collection. Findings show that, student's academic achievement by using Google Plus scored A (mean 85.65) which is significantly difference from students that taught with traditional approach, scored B (mean 73.55). While, the mean scores of students' interest of using Google Plus in learning Malay language is 4.55. Moreover, highest mean (mean 4.70) shown for students' level of using Google Plus. In conclusion, result shows that the usage of Google Plus application in learning Malay language demonstrates effectiveness in improving students' academic achievement, interest and level of use Google Plus.*

Keywords: Web 2.0 application, Google Plus, online learning, Malay language learning

Pendahuluan

Perkembangan pesat yang berlaku dalam teknologi maklumat telah menyebabkan berlaku beberapa pertimbangan dalam menghadapi arus zaman yang maju dan terkini. Selain itu, teknologi maklumat turut memberi impak yang meluas dalam sistem pendidikan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan

pembelajaran. Menurut Zawiyah⁵ pembangunan teknologi maklumat berjaya mengubah hubungan antara tiga dimensi iaitu masa, ruang dan kos kerana dapat menghantar maklumat dengan cepat dan pantas sama ada jarak yang dekat maupun yang jauh. Sehubungan itu, aplikasi teknologi maklumat semakin meluas penggunaannya kerana membolehkan murid mencari maklumat dengan lebih mudah dan berkesan. Aplikasi ini memainkan peranan utama dalam pendidikan terutama sekali dalam pembelajaran.

Pada abad ke-21, negara menghadapi cabaran baharu kesan daripada globalisasi, liberalisasi, pengantarabangsaan dan perkembangan Teknologi Maklumat. Negara juga menghadapi cabaran untuk membangunkan ekonomi berdasarkan pengetahuan atau K-ekonomi. Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia menyediakan program pembangunan pendidikan yang dapat melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan, celik ICT, berkemahiran dan berakhhlak mulia. Selain itu, Perancangan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menyatakan bahawa Malaysia mempunyai potensi transformasi ICT dalam pendidikan.

Kesungguhan kerajaan dalam melaksanakan Projek Pengkomputeran di sekolah menjelaskan bahawa kemajuan teknologi hari ini turut memberi impak kepada dunia pendidikan. Ini bermakna perubahan dalam teknologi akan memberi kesan secara langsung kepada paradigma pendidikan, sebagai contoh penggunaan *Projektor Overhead* pada mulanya digunakan sebagai alat untuk mengajar strategi peperangan, tetapi lama kelamaan diterima sebagai pemudah cara pengajaran guru di dalam bilik darjah. Pada masa kini, penggunaan komputer begitu meluas khususnya dalam sektor korporat, dan pada masa yang sama, teknologi komputer mula diterima untuk menjadikan pengajaran guru agar lebih informatif dan responsif kepada murid.

Aplikasi Web 2.0 merupakan sebahagian daripada penggunaan Internet yang telah diakses oleh pengguna. Menurut Nurul Syaida dan Fariza, Teknologi Web 2.0 merupakan satu revolusi kepada penggunaan internet dan web yang mempunyai

⁵ Zawiyah Mohammad Yusof dan Masnizah Mohd, *Globalisasi: Sains Sosial dan Teknologi Maklumat* (ed. ke-2, Petaling Jaya: Prentice Hall-Pearson, 2007), 5.

ciri perkongsian maklumat, mudah kendali, reka bentuk berpusatkan pengguna dan kerjasama di World Wide Web. Jika sebelum ini masyarakat hanya menggunakan web untuk mendapatkan maklumat semata-mata, tetapi dengan kewujudan Web 2.0, komunikasi manusia menjadi lebih luas, menyeluruh, pantas dan dijalankan secara dua hala. Dengan kelebihan ini, Web 2.0 mula diperkenalkan di sekolah-sekolah sebagai salah satu strategi pengajaran dan pembelajaran abad ke-2.

Google Plus ialah salah satu alat rangkaian sosial Web 2.0 yang dapat diaplikasikan dalam pembelajaran pada masa kini. Beberapa ciri inovatif dalam *Google Plus* seperti *spark*, *circle* dan *Google Docs* yang boleh membantu pendidik berhubung dengan murid. Selain itu, rangkaian sosial ini juga amat berguna untuk meningkatkan perkhidmatan sosial dalam pendidikan melalui internet kerana guru dan murid dapat berhubung menggunakan aplikasi ini di luar waktu persekolahan tanpa perlu bersemuka.

Menurut Terry Heick⁶ *Google Plus* merupakan rangkaian sosial yang dapat berfungsi di dalam kelas sebagai satu saluran komunikasi. *Google Plus* juga boleh digunakan untuk berkomunikasi secara langsung dengan murid, keluarga murid atau pendidik lain. Selain itu, rangkaian sosial *Google Plus* berpotensi dalam pengajaran dan pembelajaran seperti mengadakan forum dan murid boleh bertanya soalan. Walau bagaimanapun, cara yang paling asas dalam penggunaan *Google Plus* ialah berfungsi sebagai satu saluran komunikasi.

Pernyataan Masalah

Bagi mempertingkatkan lagi cara penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran, kepentingan Web 2.0 perlu di dedahkan untuk di realisasikan dalam pendidikan. Web 2.0 iaitu *Google Plus* adalah salah satu pendekatan pembelajaran yang bersesuaian dengan sistem pendidikan kini. Selain itu, aplikasi ini dapat menarik minat murid untuk meningkatkan penguasaan dalam bahasa Melayu. Namun begitu, kajian mengenai *Google Plus* dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu belum dijalankan secara meluas. Hal ini kerana terdapat beberapa

⁶ Terry Heick, "Teaching with Google Plus", laman sesawang *Edutopia*, dicapai 15 Mac 2015, <https://www.edutopia.org/blog/teaching-with-google-plus-terry-heick>

kekangan yang menyebabkan guru-guru bahasa Melayu tidak menerapkan pengajaran dan pembelajaran berasaskan internet.

Pengajaran dan pembelajaran menggunakan web 2.0 amat sesuai digunakan kerana dapat meningkatkan hasil mutu pembelajaran. Ini terbukti dalam kajian Mohd Azli dan Abdul Latif⁷ hasil kajian menunjukkan kesan pendekatan PBL+ T terhadap pencapaian pelajar adalah positif. Walau bagaimanapun, masalah kekurangan laman sesawang bahasa Melayu yang menyebabkan tidak ramai murid yang memanfaatkan internet sebagai satu alternatif yang menyediakan capaian kepada pelbagai maklumat yang membantu dalam pengajaran dan pembelajaran. Pengurusan masa juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan murid tidak menggunakan komputer dan Internet. Penggunaan Internet memerlukan masa yang sesuai oleh murid agar tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Ini kerana penggunaan Internet memerlukan masa yang agak lama untuk dilayari dan dicapai.

Namun begitu, banyak kajian telah membuktikan bahawa Web 2.0 telah digunakan dalam sistem pendidikan sejajar dengan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah merancang untuk menerapkan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Menurut Catherine dan Mark, aplikasi Web 2.0 merupakan satu teknologi pembelajaran yang mempunyai keupayaan untuk menyokong, menggalakkan perbincangan tidak formal, berdialog, berkolaborasi dan berkongsi ilmu secara terbuka. Nur Fadzilah⁸ pula berpendapat bahawa aplikasi Web 2.0 boleh memberikan maklumat yang bermanfaat kepada masyarakat terutamanya dari sudut pembelajaran. Secara umumnya, kajian ini menunjukkan murid perlu menggunakan aplikasi Web 2.0 dalam aktiviti pembelajaran supaya menghasilkan suasana pembelajaran yang lebih efektif dan efisien. Oleh yang demikian, pengkaji

⁷ Mohd Azli Yeop dan Abdul Latif Haji Gapor, "Kesan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek Berteraskan Teknologi Terhadap Pencapaian dan Penerimaan Pelajar," laman sesawang *Researchgate*, dicapai 14 Feb 2018, https://www.researchgate.net/publication/304503776_KESAN_PENDEKATA_N_PEMBELAJARAN_BERASASKAN_PROJEK_BERTERASKAN_TEKNOLOGI_TERHADAP_PENCAPAIAN_DAN_PENERIMAAN_PELAJAR

⁸ Nur Fadzilah Othman, "Tahap Penggunaan Aplikasi Web 2.0 dalam Kalangan Pelajar institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia" (Laporan Projek, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2010), 15.

berpendapat perlu dijalankan satu kajian yang berkaitan dengan keberkesanan aplikasi *Google Plus* terhadap pencapaian pembelajaran bahasa Melayu di sekolah rendah agar murid terus meningkat dalam pelajaran terutama dalam mata pelajaran bahasa Melayu.

Tinjauan Literatur

Aplikasi *Google Plus* juga sesuai digunakan untuk aktiviti pembelajaran kerana *Google Plus* merupakan salah satu rangkaian laman sesawang sosial yang tidak disekat penggunaannya di sekolah-sekolah. Selain itu, *Google Plus* mempunyai ciri-ciri canggih seperti bulatan, ruangan sembang dan dapat menyediakan penyimpanan tanpa had serta boleh menyiarkan video gambar. Pengguna boleh memilih seseiapa yang boleh melihat siaran, gambar, maklumat yang dipaparkannya. Antara kelebihan *Google Plus* juga, pengguna dapat mengedit gambar setelah memuat naik dengan memutar, menukar warna dan kontras gambar.

Google Plus juga dapat diaplikasikan dalam pembelajaran pada masa kini kerana jaringan sosial ini amat berguna untuk meningkatkan perkhidmatan sosial dalam pendidikan melalui internet. Rangkaian sosial ini memberikan cara yang berkesan kepada murid dan guru untuk saling berinteraksi antara satu sama lain, dalam talian, masa sebenar dan dengan halangan yang minimum. Guru dan murid dapat berhubung menggunakan aplikasi ini di luar waktu persekolahan tanpa perlu bersemuka. Ruang sosial *Google* mempunyai beberapa ciri-ciri utama baru yang mungkin menjadikan satu alat yang sangat baik untuk pendidik.

Betsy menjalankan kajian berkaitan *Google Plus* untuk meningkatkan pembelajaran pelajar dan melibatkan pelajar dalam komunikasi. Penggunaan *Google Plus* (bulatan) dan keupayaan *Hangout* menggalakkan pengajar menubuhskan sebuah persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan. Pelajar juga dapat menghantar tugas dan berkomunikasi dengan guru serta merta. Kajian Dallas⁹ mengenai pencapaian murid menggunakan Web 2.0 di Kolej Komuniti Midwestern. Hasil kajiannya murid

⁹ Dallas R. Malhiwsky, "Student Achievement Using Web 2.0 Technologies: A Mixed Methods Study," dicapai 14 Mei 2013, <http://digitalcommons.unl.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1057cehsdiss.html.2010>

dapat berkomunikasi dua hala dan bekerjasama antara satu sama lain bagi menyiapkan tugas yang diberi. Pada akhirnya kajian pencapaian bertambah baik dengan menggunakan kaedah Web 2.0.

Zuraidah dalam kajiannya iaitu Web 2.0 dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu menyatakan bahawa permasalahan yang dihadapi oleh murid masa kini ialah kekurangan minat untuk turut aktif dalam pembelajaran. Kajian Asniza dan Zaidatun¹⁰ pula menyatakan bahawa pembelajaran akan lebih bermakna apabila murid mencipta dan membina pengetahuan sendiri. Kajian ini bersesuaian dengan kajian yang dilakukan oleh Batchelder yang menyatakan bahawa aktiviti dalam rangkaian sosial dapat menyediakan pelajar dengan proses aktif yang memberi makna signifikan kepada mereka. Pembelajaran kendiri yang diamalkan oleh pelajar akan mewujudkan suasana pembelajaran aktif.

Objektif dan Hipotesis Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti pengajaran dan pembelajaran murid di Sekolah Rendah Agama Integrasi daerah Hulu Langat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menggunakan *Google Plus*. Kajian ini untuk membanding beza pencapaian murid menggunakan *Google Plus* dengan murid yang belajar secara tradisional. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menggunakan *Google Plus* dan mengetahui tahap penggunaan *Google Plus* yang digunakan oleh murid dalam subjek Bahasa Melayu.

Kajian yang dijalankan ini berasaskan beberapa objektif tertentu, antaranya:

1. Membandingkan pencapaian murid terhadap dua kaedah iaitu kaedah tradisional dan berbantuan *Google Plus* dalam subjek Bahasa Melayu.
2. Mengenal pasti minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas menggunakan *Google Plus* dalam subjek Bahasa Melayu.

¹⁰ Asniza Musa dan Zaidatun Tasir, *Implikasi Alatan Rangkaian Sosial Terhadap Proses Pengajaran dan Pembelajaran* (T.p.: Edupress Universiti Teknologi Malaysia, 2010), 11.

3. Menentukan tahap penggunaan murid menggunakan *Google Plus* dalam subjek Bahasa Melayu.

Kajian yang dijalankan melibatkan pembelajaran Bahasa Melayu murid tahun enam dengan menggunakan *Google Plus*. Oleh itu, pengkaji membuat beberapa hipotesis yang telah dibangunkan bagi menjawab persoalan yang akan dikaji. Menurut Noraini,¹¹ hipotesis ialah satu pernyataan yang dibuat tentang sesuatu fenomena yang diselidik, dalam bentuk ramalan tentang hubung kait antara dua atau lebih pemboleh ubah yang dijangka mempunyai kaitan. Sehubungan itu, kajian ini meramalkan perkara berikut:

1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid kumpulan eksperimen yang menggunakan *Google Plus* dengan murid kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah tradisional dalam ujian pra bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.
2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid dalam ujian pra dan pasca bagi kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah tradisional pada mata pelajaran Bahasa Melayu.
3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid dalam ujian pra dan pasca bagi kumpulan eksperimen yang menggunakan *Google Plus* pada mata pelajaran Bahasa Melayu.
4. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid kumpulan eksperimen yang menggunakan *Google Plus* dengan murid kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah tradisional dalam ujian pasca bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian yang dijalankan ini adalah berasaskan reka bentuk kuasi-eksperimen yang melibatkan dua kumpulan kelas tahun enam yang telah sedia ada di Sekolah Rendah Agama Integrasi Pekan Beranang Selangor. Kumpulan pertama ialah kumpulan yang diajar dengan menggunakan *Google Plus* yang disebut kumpulan eksperimen terdiri daripada 20 orang murid dan kumpulan kedua ialah kumpulan yang diajar dengan pendekatan

¹¹ Noraini Idris, *Penyelidikan dalam Pendidikan* (Malaysia: The McGraw-Hill Companies, 2010), 44.

tradisional yang disebut kumpulan kawalan terdiri daripada 20 orang murid. Walau bagaimanapun, kedua-dua kumpulan ini mempunyai tahap pencapaian yang hampir sama.

Kajian dengan reka bentuk kuasi-eksperimen ini mempunyai banyak kelebihan, terutama untuk mengawal pemboleh ubah ekstranus. Menurut Chua Yan Piaw¹² cara kajian ini dapat mengawal pemboleh ubah ekstranus, iaitu melalui beberapa cara seperti berikut: 1) kelas yang mempunyai latar belakang yang sama 2) mata pelajaran yang sama 3) tajuk yang sama 4) soalan pra dan pasca yang sama 5) tempoh mengajar yang sama 6) minggu yang sama dan 7) soalan pencapaian yang sama. Dalam reka bentuk kajian ini, dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dibuat perbandingan terhadap beberapa pemboleh ubah yang telah ditetapkan. Secara lebih jelas, reka bentuk kajian digambarkan seperti dalam jadual berikut.

Jadual 1: Reka bentuk kajian kuasi-eksperimen

Kumpulan	Sebelum	Semasa	Selepas
Kumpulan Eksperimen	U Pra	X	U Pasca
Kumpulan Kawalan	U Pra	Y	U Pasca

X: Eksperimen (Pengajaran menggunakan *Google Plus*)

U: Pengukuran (Ujian pencapaian dan borang kaji selidik)

Y: Kawalan (Pengajaran kaedah Tradisional)

Sumber: Chua Yan Piaw (2011)

Reka bentuk kajian kuasi-eksperimen ini melibatkan dua jenis pemboleh ubah, iaitu pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas. Pemboleh ubah bersandar ialah pencapaian murid yang dicerap daripada ujian pra dan ujian pasca dalam kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Selain itu, minat dan tahap murid terhadap penggunaan *Google Plus* juga menjadi pemboleh ubah bersandar. Pendekatan menggunakan *Google Plus* dan kaedah tradisional pula dinyatakan sebagai pemboleh ubah bebas.

Kumpulan eksperimen menerima pembelajaran dengan menggunakan *Google Plus* untuk mempelajari Bahasa Melayu mengikut sukatan yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Kumpulan kawalan juga menerima pembelajaran tajuk yang sama tetapi menggunakan kaedah tradisional. Sebelum kajian dijalankan kedua-dua kumpulan ini diberi ujian pra

¹² Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2011),110.

manakala selepas kajian pula mereka diberi ujian pasca. Penyelidik telah mengenal pasti bahawa murid-murid di dalam kelas kedua-dua kumpulan tersebut adalah mempunyai kebolehan yang hampir sama atau seimbang, iaitu berdasarkan ujian diagnostik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang dilakukan pada awal persekolahan.

Seterusnya, berkenaan lokasi, kajian ini dilakukan di Sekolah Integrasi di daerah Hulu Langat di bawah seliaan kerajaan negeri Selangor. Sekolah ini terletak di luar bandar dengan jumlah murid 450 orang. Sekolah ini menawarkan pembelajaran dari darjah satu hingga darjah enam. Sekolah Rendah Agama Integrasi dilengkapi dengan pelbagai kemudahan pembelajaran terutama dalam subjek Bahasa Melayu seperti komputer, LCD dan kemudahan internet.

Kemudian, berkenaan sampel dan populasi, ia terdiri daripada murid-murid sekolah Rendah Agama Integrasi Pekan Beranang daerah Hulu Langat Selangor. Faktor pemilihan sekolah dibuat memandangkan ada kemudahan pembelajaran menggunakan ICT dan murid yang ideal. Sekolah ini dikelolakan oleh kerajaan negeri iaitu Jabatan Agama Islam Selangor. Selain itu, semua murid telah mengikuti pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu (KSSR). Sukatan pelajaran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah berdasarkan huraihan sukanan pelajaran yang telah disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) Kementerian Pelajaran Malaysia.

Sampel dalam kajian ini merupakan murid di dalam dua buah kelas tahun enam di Sekolah Rendah Agama Integrasi. Pencapaian mereka dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah hampir sama. Sebuah kelas terdiri daripada 20 orang murid yang dianggap sebagai kumpulan eksperimen dan sebuah kelas lagi terdiri daripada 20 orang murid yang dianggap sebagai kumpulan kawalan. 20 orang sampel dipilih bagi menjayakan kajian mengenai pengajaran dan pembelajaran menggunakan *Google Plus*. Hasil daripada sampel kajian yang akan diperoleh daripada responden diharap benar-benar mencerminkan pengendalian penggunaan Google Plus dalam pengajaran dan pembelajaran.

Selain perkara di atas mengenai metodologi kajian, berkenaan dengan instrumen kajian pula, ia melibatkan perkara berikut:

1. Rancangan pengajaran berbantuan *Google Plus*. Rancangan pengajaran digunakan untuk mengajar murid daripada kumpulan

eksperimen. Rancangan pengajaran ini merupakan panduan kepada guru bagi melaksanakan pengajaran berbantuan aplikasi *Google Plus* semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Pengajaran berbantuan *Google Plus* ini dijalankan selama lapan minggu sesi pengajaran dan pembelajaran bagi murid kumpulan eksperimen di dalam kelas.

2. Set Soalan Pencapaian Murid. Soalan-soalan latihan ujian pra dan pasca yang digunakan untuk mengukur perbandingan pencapaian murid yang dibina mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan kerana soalan-soalan disusun mengikut format UPSR yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Soalan latihan ini juga, merangkumi format kertas Bahasa Melayu 1 dan kertas Bahasa Melayu 2 mengikut Sukatan Pelajaran yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Soalan dan skema jawapan disediakan oleh pengkaji bersama-sama dengan beberapa orang guru Bahasa Melayu mengikut standard soalan pihak sekolah.

3. Soal Selidik. Set soalan borang kaji selidik ini disediakan untuk kumpulan eksperimen sahaja. Sebanyak tiga bahagian dalam borang kaji selidik yang dibangunkan dengan mengadaptasi soal selidik daripada pengkaji.¹³

Bahagian A mengandungi 4 soalan yang di bentuk untuk mengumpul maklumat latar belakang sampel kajian iaitu murid tahun enam seperti jantina, keputusan ujian diagnostik, memiliki komputer dan kemahiran menggunakan internet. Maklumat keputusan akademik murid (ujian diagnostik) akan digunakan untuk melihat prestasi murid di peringkat awal.

Bahagian B mengandungi 14 soalan berkaitan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas menggunakan *Google Plus*. Soalan ini juga berkisarkan tentang penggunaan Web 2.0 berdasarkan *Google Plus* dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, Soalan kajian ini juga mengandungi kepentingan penggunaan *Google Plus* dan minat murid terhadap pembelajaran.

Bahagian C mengandungi 10 soalan yang berkaitan tahap penggunaan *Google Plus* dalam subjek Bahasa Melayu dalam

¹³ Zaidatun Tasir, Jacqueline S. Linggu dan Jamalludin Harun, "Penggunaan Alat Rangkaian Sosial di Kalangan Pelajar di Sebuah IPTS di Kota Kinabalu, Malaysia," *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia* 1, no. 1 (2011), 31-47.

kalangan murid. Selain itu, bahagian ini untuk mendapatkan maklumat kekerapan murid menggunakan pautan-pautan yang terdapat dalam aplikasi *Google Plus*.

Data Dapatan Kajian

Profil ini dibuat untuk mengenal pasti latar belakang murid dalam kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan secara lebih terperinci.

Jadual 2: Profil Murid Kumpulan Eksperimen (N = 20)

Demografi		Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	11	55%
	Perempuan	9	45%
Keputusan ujian diagnostik Bahasa Melayu	A	6	30%
	B	10	50%
	C	2	20%
	D	0	0
	E	0	0
Memiliki komputer di rumah	Ya	16	80%
	Tidak	4	20%
Kemahiran internet	Ya	17	85%
	Tidak	3	15%

Jadual 3: Profil Murid Kumpulan Kawalan (N = 20)

Demografi		Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	11	55%
	Perempuan	9	45%
Keputusan ujian diagnostik Bahasa Melayu	A	5	25%
	B	9	45%
	C	6	30%
	D	0	0
	E	0	0
Memiliki komputer di rumah	Ya	14	70%
	Tidak	6	30%
Kemahiran internet	Ya	15	75%
	Tidak	5	25%

Pencapaian Markah Bagi Ujian Pra dan Pasca

Jadual 4: Pencapaian markah ujian pra dan pasca bagi murid kumpulan kawalan

Pencapaian Markah	Ujian Pra Kawalan	Ujian Pasca Kawalan
A (80-100)	-	5 (25%)
B (60-79)	17 (85%)	15 (75%)
C (40-59)	3 (15%)	-
D (20-39)	-	-
E (0-19)	-	-
Min Purata	B (67.25%)	B (73.55%)

Jadual 4 menunjukkan bahawa pada ujian pra bagi kumpulan kawalan, kebanyakkan murid mendapat markah B (85% atau 17 orang) dan mendapat C hanya 15% (3 orang). Oleh itu, min purata markah yang diperoleh bagi kumpulan kawalan pada ujian pra ialah 67.25 atau markah B. Pada ujian pasca, kebanyakkan murid juga mendapat markah B iaitu seramai 75% (15 orang) dan tidak ada seorang murid mendapat markah C, D dan E. Bagaimanapun, pada ujian pasca terdapat seramai 25% (5 orang) murid yang mendapat markah A. Min purata ujian pasca bagi kumpulan kawalan ialah 73.55 atau markah B. Secara purata pada kumpulan kawalan ini terdapat peningkatan markah sebanyak 6.3 iaitu dari 67.25 menjadi 73.55. Namun apabila ditinjau daripada pencapaian, markah 73.55 masih dikategorikan markah B.

Pencapaian Murid Kumpulan Eksperimen Pada Ujian Pra dan Pasca

Jadual 5: Pencapaian markah ujian pra dan pasca bagi murid kumpulan eksperimen

Pencapaian Markah	Ujian Pra Eksperimen	Ujian Pasca Eksperimen
A (80-100)	-	20 (100%)
B (60-79)	18 (90%)	-
C (40-59)	2 (10%)	-
D (20-39)	-	-
E (0-19)	-	-
Min Purata	B (68.25%)	B (85.5%)

Jadual 5 menunjukkan bahawa pada ujian pra bagi kumpulan eksperimen, kebanyakkan murid mendapat markah B (90% atau 18

orang) dan mendapat C seramai 10% (2 orang). Tidak ada seorang murid mendapat markah A pada ujian pra. Oleh itu, min purata markah yang diperoleh daripada kumpulan eksperimen pada ujian pra ialah 68.25 atau markah B. Pada ujian pasca, semua murid (100% atau 20 orang) dalam kumpulan eksperimen mendapat markah A dengan nilai purata min 85.65. Ini menunjukkan bahawa penggunaan *Google Plus* dapat meningkatkan markah murid secara purata sebanyak 17.4. Sebelum kajian dijalankan min purata ialah 68.25 manakala selepas kajian skor min menjadi 85.65 iaitu daripada markah B menjadi markah A.

Perbezaan Pencapaian Murid Bagi Ujian Pasca

Ujian t bebas dijalankan untuk mengenal pasti perbezaan pencapaian murid antara murid kumpulan eksperimen yang menggunakan *Google Plus* dengan murid kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah tradisional dalam ujian pra. Ujian t bebas juga dijalankan untuk menguji hipotesis nul (H_0). Hasil analisis ujian t bebas seperti jadual 5.

Jadual 6: Ujian t bebas perbezaan pencapaian murid kumpulan kawalan dan eksperimen pada ujian pasca

Ujian	Kumpulan	Min	Sisihan piawai (sp)	Nilai-t	Df	Sig. (p)
Pasca	Kawalan (N = 20)	73.55 (B)	7.308	-6.383	38	0.000
	Eksperimen (N = 20)	85.65 (A)	4.295			

Jadual 6 menunjukkan skor min ujian pasca yang diperoleh bagi kumpulan kawalan ialah 73.55 (min = 73.55) dengan sisihan piawai 7.308 (sp = 7.308) manakala bagi kumpulan eksperimen yang menggunakan *Google Plus* ialah 85.65 (min = 85.65) dengan sisihan piawai 4.295 (sp = 4.295). Oleh itu, terdapat perbezaan dalam skor min yang diperoleh daripada kedua-dua kumpulan. Skor min bagi kumpulan eksperimen lebih tinggi berbanding dengan kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah tradisional. Namun, untuk mengenal pasti sama ada perbezaan tersebut signifikan atau tidak signifikan, maka dapat dilihat pada nilai signifikan (p) yang ditunjukkan dalam jadual 6.

Minat Murid Terhadap Penggunaan Google Plus

Dapatkan kajian ini boleh menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu: Minat murid terhadap penggunaan *Google Plus*.

Jadual 7: Minat murid terhadap penggunaan *Google Plus* (N=20)

Bil	Pernyataan	STS +TS	TP	S+ SS	Min	SP	Tahap
B1	Saya suka menghadiri kelas yang diajar menggunakan <i>Google Plus</i> .	0	0	100%	4.90	0.307	Sangat tinggi
B2	Saya amat gembira berpeluang mempelajari <i>Google Plus</i> .	0	0	100%	4.85	0.366	Sangat tinggi
B3	Saya tidak berasa bosan belajar Bahasa Melayu dengan menggunakan <i>Google Plus</i> .	0	5%	95%	4.85	0.489	Sangat tinggi
B4	Saya amat berminat dan selesa belajar Bahasa Melayu menggunakan <i>Google Plus</i> .	0	0	100%	4.80	0.410	Sangat tinggi
B5	Penggunaan <i>Google Plus</i> dalam pengajaran telah meningkatkan minat saya terhadap pembelajaran berbanding dengan kaedah pengajaran tradisional.	0	10%	90%	4.60	0.680	Sangat tinggi
B6	Saya akan berasa kesal apabila saya tidak menghadiri kelas semasa guru menggunakan <i>Google Plus</i> .	0	15%	85%	4.60	0.753	Sangat tinggi

Bil	Pernyataan	STS +TS	TP	S+ SS	Min	SP	Tahap
B7	Saya memahami sepenuhnya apa yang diajar menggunakan <i>Google Plus</i> .	0	0	100%	4.55	0.51	Sangat tinggi
B8	Saya mudah faham dengan nota yang dipaparkan di <i>Google Plus</i> semasa pengajaran.	0	5%	95%	4.55	0.604	Sangat tinggi
B9	Saya berkeyakinan semasa menjawab soalan yang diberi selepas pengajaran menggunakan <i>Google Plus</i> .	0	5%	95%	4.50	0.606	Sangat tinggi
B10	Aktiviti pembelajaran menggunakan <i>Google Plus</i> memberi kepuasan kepada saya.	0	5%	95%	4.50	0.606	Sangat tinggi
B11	Pengajaran menggunakan <i>Google Plus</i> memudahkan proses pembelajaran saya.	5%	10%	85%	4.45	0.887	Sangat tinggi
B12	Saya mengambil bahagian secara aktif semasa sesi pembelajaran Bahasa Melayu apabila menggunakan <i>Google Plus</i> .	0	20%	80%	4.30	0.801	Sangat tinggi
B13	Saya menghayati segala contoh, simulasi dan analogi yang ditunjukkan oleh guru.	0	5%	95%	4.20	0.523	Tinggi

Bil	Pernyataan	STS +TS	TP	S+ SS	Min	SP	Tahap
B14	Saya menumpukan perhatian di dalam kelas apabila pengajaran menggunakan <i>Google Plus</i> .	0	15%	85%	4.15	0.670	Tinggi
	Purata				4.55	0.307	Sangat tinggi

Nota: STS = Sangat Tidak Setuju; TS = Tidak Setuju; TP = Tidak Pasti; S = Setuju; SS = Sangat Setuju; SP= Sisihan Piawai

Soal selidik mengenai minat murid terhadap *Googel Plus* ada empat belas item, terdapat 12 item memperoleh persetujuan murid pada tahap sangat tinggi dan 2 item lainnya mendapat persetujuan murid pada tahap tinggi. Untuk mengenal pasti tahap tersebut ialah berdasarkan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) (2006) yang menyatakan item yang memperoleh min 1 - 1.89 dikenal pasti sebagai tahap sangat rendah manakala skor min 1.90 - 2.69 dikenal pasti sebagai tahap rendah. Item yang memperoleh min 2.7 - 3.49 dikenal pasti sebagai tahap sederhana, item dengan skor min 3.50 - 4.29 adalah tahap tinggi dan item dengan skor min 4.30- 5.00 adalah tahap sangat tinggi.

Walaupun terdapat 12 item berada pada tahap sangat tinggi dan dua item mendapat persetujuan pada tahap tinggi. Namun, secara puratanya minat murid terhadap penggunaan *Google Plus* dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah pada tahap sangat tinggi. Ini kerana skor min yang ditunjukkan 4.55 (min = 4.55) dengan sisihan piawai 0.307 (sp = 0.307).

Oleh itu, bahagian ini telah menjawab persoalan kajian kedua iaitu adakah penggunaan *Google Plus* dapat menarik minat murid dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Bahasa Melayu di dalam kelas. Berdasarkan dapatan kajian, maka dapat dinyatakan bahawa penggunaan *Google Plus* dapat menarik minat murid dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Bahasa Melayu di dalam kelas.

Tahap Murid Menggunakan *Google Plus* dalam Subjek Bahasa Melayu

Dapatkan kajian ini boleh menjawab persoalan kajian 3 iaitu apakah tahap murid menggunakan *Google Plus* dalam subjek Bahasa Melayu? Oleh itu, dapatkan deskriptif dijalankan bagi mengenal pasti tahap penggunaan *Google Plus* dalam kalangan murid dalam subjek Bahasa Melayu.

Jadual 8 Tahap Murid menggunakan *Google Plus*

Bil	Pernyataan	STK +TK	KK	K	SK	Min	SP	Tahap
B1	Saya menggunakan <i>Google Plus</i> dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	0	0	10%	90%	4.90	0.307	Sangat tinggi
B2	Saya menggunakan aplikasi dokumen dalam <i>Google Plus</i> .	0	5%	0	95%	4.90	0.447	Sangat tinggi
B3	Saya memuat naik video dan perkongsian bahan dalam subjek Bahasa Melayu.	0	0	15%	85%	4.85	0.366	Sangat tinggi
B4	Saya menggunakan pautan <i>Youtube</i> sebagai rujukan pembelajaran Bahasa Melayu.	0	0	25%	75%	4.75	0.444	Sangat tinggi

Bil	Pernyataan	STK +TK	KK	K	SK	Min	SP	Tahap
B5	Saya menggunakan ruangan sembang untuk bertukar idea dengan rakan mengenai pembelajaran Bahasa Melayu.	0	0	25%	75%	4.75	0.444	Sangat tinggi
B6	Saya memuat naik bahan pembelajaran Bahasa Melayu yang terdapat dalam komputer ke dalam <i>Google Drive</i> untuk rujukan.	0	10%	10%	80%	4.70	0.656	Sangat tinggi
B7	Saya menggunakan fungsi imej (<i>Images</i>) melalui <i>Google Plus</i> .	0	0	40%	60%	4.60	0.502	Sangat tinggi
B8	Saya menggunakan aplikasi <i>Drawing</i> dalam <i>Google Plus</i> bagi memahirkan pembinaan ayat.	0	5%	35%	60%	4.55	0.604	Sangat tinggi
B9	Saya menyediakan tugas Bahasa Melayu menggunakan <i>Google Plus</i> .	0	0	50%	50%	4.50	0.512	Sangat tinggi

Bil	Pernyataan	STK +TK	KK	K	SK	Min	SP	Tahap
B10	Saya menggunakan <i>Hangout</i> untuk melakukan perbincangan dengan rakan dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	0	0	50%	50%	4.50	0.512	Sangat tinggi
	Purata					4.70	0.382	Sangat tinggi

Nota: STK = Sangat Tidak Kerap; TK = Tidak Kerap; KK = Kadang-Kadang; K = Kerap; SK = Sangat Kerap; SP= Sisihan Piawai

Jadual 8 menunjukkan taburan peratusan, sisihan piawai, keputusan min dan tahap yang dicapai oleh skor min bagi tiap-tiap item mengenai penggunaan *Google Plus* dalam kalangan murid. Item-item tersebut telah disenaraikan mengikut perolehan min dari tertinggi kepada terendah. Oleh itu, dapat dijelaskan bahawa Jadual 8 menunjukkan kekerapan murid terhadap item-item yang berkaitan dengan penggunaan *Google Plus* dimulai daripada kekerapan pada item yang tertinggi sehingga kekerapan yang terendah.

Daripada sepuluh item, kesemuanya mengenai penggunaan *Google Plus* berada pada tahap yang sangat tinggi. Bagi mengenal pasti tahap tersebut ialah berdasarkan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) (2006) yang menyatakan item yang memperoleh min 1 – 1.89 dikenal pasti sebagai tahap sangat rendah dan skor min 1.90 – 2.69 dikenal pasti sebagai tahap rendah. Item yang memperoleh min 2.7 – 3.49 dikenal pasti sebagai tahap sederhana, item dengan skor min 3.50 – 4.29 ialah tahap tinggi dan item dengan skor min 4.30- 5.00 ialah tahap sangat tinggi.

Secara keseluruhan penggunaan *Google Plus* dalam kalangan murid berada pada tahap sangat tinggi. Ini terbukti dalam jadual 8 yang telah menunjukkan bahawa murid menggemari pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menggunakan aplikasi yang terdapat dalam *Google Plus*.

Perbincangan Hasil Dapatan

Perbandingan Markah Ujian Pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Melayu Antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan

Pencapaian murid menggunakan *Google Plus* dalam ujian pra dan ujian pasca pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan. Skor min pada ujian pra mendapat nilai 68.25 manakala skor min pada ujian pasca ialah 85.65. Ini bermakna kaedah pengajaran menggunakan *Google Plus* merupakan salah satu kaedah pengajaran yang berkesan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini selaras dengan Melvina dan Jamaludin¹⁴ penggunaan teknologi Web 2.0 dalam proses pengajaran dan pembelajaran mampu menarik minat murid dan merangsang pemikiran kreatif murid. Aplikasi Web 2.0 yang digunakan dalam pendidikan mempunyai potensi yang besar untuk menyokong dan meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.

Kesan penggunaan *Google Plus* adalah baik bagi proses pengajaran kerana *Google Plus* menggunakan konsep multimedia dan *hypermedia*. Dengan adanya kedua-dua konsep tersebut, murid dapat memperoleh maklumat mengenai mata pelajaran Bahasa Melayu secara meluas. Penggunaan *Google Plus* juga membantu guru dan murid mempelajari strategi-strategi pembelajaran Bahasa Melayu dengan lebih menarik sehingga menjadikan proses pembelajaran yang berkesan.

Google Plus merupakan salah satu rangkaian teknologi maklumat 2.0 (web generasi kedua). Dapatan kajian ini menepati pandangan Harrison dan Thomas yang mengatakan bahawa *Google Plus* menawarkan pilihan yang menarik dalam aktiviti komunikasi dan interaksi. *Google Plus* juga berlainan dengan teknologi sebelumnya yang terdiri daripada laman-laman sesawang yang statik. Laman sesawang tersebut juga menawarkan platform yang bersifat interaktif yang berorientasikan informasi yang dihasilkan oleh sebilangan kecil untuk jumlah pengguna yang ramai. Pernyataan ini turut disokong oleh Roblyer dan Schwier yang mendapati teknologi dapat meningkatkan produktiviti, menambahkan motivasi, menyokong pengajaran,

¹⁴ Chung, Hui Ching, Melvina and Jamaludin Badusah, "Sikap Guru Bahasa Melayu Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Pengajaran di Sekolah-Sekolah Rendah di Bintulu, Sarawak," *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35 (1) (2010): 59-65.

pengajaran secara tidak langsung, pengajaran bersifat unik dan meningkatkan literasi maklumat.

Dapatkan kajian juga disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Dallas¹⁵ yang mengkaji pencapaian pelajar menggunakan teknologi Web 2.0 di Kolej Komuniti Midwestern. Dallas menyatakan bahawa Web 2.0 membolehkan komunikasi dua hala antara kumpulan pelajar dan guru. Dengan komunikasi dua hala maka terjamin sikap bekerjasama antara kumpulan bagi menyiapkan tugas. Beliau menggunakan ujian pra dan pos dalam kajiannya. Pada akhir kajian pencapaian pelajar bertambah baik dengan menggunakan kaedah Web 2.0. Kajian lain yang turut menyokong ialah kajian Betsy menunjukkan penggunaan *Google Plus* dapat meningkatkan pembelajaran pelajar kerana dapat melibatkan pelajar untuk berkomunikasi.

Minat Murid Terhadap Penggunaan *Google Plus*

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa minat murid terhadap penggunaan *Google Plus* adalah sangat tinggi. Mereka melaporkan bahawa sangat suka menghadiri kelas yang diajar menggunakan *Google Plus*. Semua murid menyatakan amat gembira berpeluang mempelajari *Google Plus*. Hal ini kerana pembelajaran bercorak maya seperti *Google Plus* sangat disenangi murid-murid yang meminati pada penemuan yang agak baharu dan merupakan sikap semula jadi kanak-kanak darjah enam yang menjadi sampel kajian. Mereka menaruh minat pada sesebuah penerokaan yang baru dan mencabar minda. Ini disokong oleh pandangan Siti Salwah dan Jamaludin yang menyatakan bahawa teknologi kini mempunyai manfaat motivasi yang berupaya untuk menarik murid agar turut aktif dalam pembelajaran.

Seterusnya, Siti Salwah dan Jamaludin¹⁶ mengemukakan bahawa teknologi juga membantu murid mengekalkan minat dan menggalakkan pembelajaran kendiri. Minat murid akan meningkat apabila dapat mencapai bahan-bahan pembelajaran dari internet,

¹⁵ Dallas R. Mallhiwsky, "Student Achievement Using Web 2.0 Technologies: A Mixed Methods Study," dicapai 14 Mei 2013, <http://digitalcommons.unl.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1057cehsdiss.html.2010>

¹⁶ Siti Salwah Atan dan Jamaludin Badusah, "Web 2.0:Aplikasi Rangkaian Sosial Google Plus dalam Komponen Sastera (Komsas)", (Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusastraan Melayu, 2013), 25-41.

maklumat semasa dan juga bahan pembelajaran yang dimuat turun daripada rakan dan guru. Walau bagaimanapun, platform yang sesuai harus digunakan oleh guru agar pembelajaran kolaboratif dengan sokongan komputer dan *Learning Management System* dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh murid serta menjadikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan. Oleh itu, murid-murid yang cekap menggunakan rangkaian sosial *Google Plus* sedia berkongsi pengetahuan mereka bersama rakan-rakan yang lain.

Dapatan kajian yang menunjukkan bahawa murid menyatakan amat berminat dan selesa belajar Bahasa Melayu menggunakan *Google Plus*. Kemudahan penggunaan *Google Plus* menepati pandangan Deny yang menyatakan bahawa *Google Plus* merupakan layanan jaringan sosial yang sangat mudah untuk digunakan sama seperti *Twitter* dan *Facebook*. Walau bagaimanapun, *Google Plus* mempunyai kelebihan iaitu dapat memisahkan anggota di jaringannya dengan membuat lingkaran berdasarkan kelompok-kelompok tertentu. Ini memudahkan guru berkongsi maklumat dengan muridnya.

Tahap Penggunaan *Google Plus* dalam Subjek Bahasa Melayu

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap murid menggunakan *Google Plus* dalam Subjek Bahasa Melayu berada pada tahap sangat tinggi. Ini ditunjukkan dengan pelbagai bentuk aktiviti yang dapat dilakukan oleh murid. Antara aktiviti yang dapat dilakukan oleh murid melalui *Google Plus* ialah kerja kumpulan dan aplikasi dokumen dalam *Google Plus*. Dalam melakukan aktiviti kerja kumpulan, murid sangat kerap memuat naik video sebagai bahan perkongsian bahan dalam subjek Bahasa Melayu. Ini selaras dengan pendapat Mohamad Amin Embi¹⁷ yang menyatakan bahawa video merupakan salah satu alat pendidikan yang dapat dikongsi yang menjana aktiviti kerja kumpulan.

Namun, percanggahan diberikan oleh Duff¹⁸ yang menyatakan bahawa sebahagian besar kekuatan video bukan terletak pada video itu sendiri tetapi pada cara video itu

¹⁷ Mohamed Amin, *Aplikasi Web 2.0 dalam Pengajaran dan Pembelajaran* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011).

¹⁸ Duffy, T.M. dan Cunningham, D.J., "Engaging the YouTube Google-Eyed Generation: Strategies for using Web 2.0 in Teaching and Learning," *The Electronic Journal of e-Learning* 6 (2) (2008), 119-130.

digunakan. Video itu sendiri bukanlah satu sasaran atau kesudahan tetapi merupakan satu cara ke arah mencapai objektif dan matlamat pembelajaran. Video pendidikan yang efektif bukanlah pengajaran yang berbentuk televisyen kepada pelajar tetapi pengajaran guru kepada pelajar dengan video sebagai satu alat untuk penzahiran.

Rumusan

Jelaslah bahawa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan *Google Plus* di Sekolah Rendah Agama Integrasi daerah Hulu Langat memberi kesan yang lebih efektif dan efisien. Pencapaian yang ditunjukkan oleh murid-murid yang menggunakan *Google Plus* dalam pembelajaran Bahasa Melayu jauh lebih baik dan berkesan berbanding murid yang menggunakan kaedah tradisional. Penggunaan *Google Plus* juga mendorong murid untuk berlumba-lumba dalam mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dalam subjek Bahasa Melayu.

Selain itu, murid menunjukkan minat yang mendalam terhadap penggunaan *Google Plus* dalam pembelajaran. Mereka berasa teruja kerana *Google Plus* memiliki kelebihan sebagai media pengajaran iaitu memberikan maklumat yang interaktif dan corak pembelajaran secara dua hala. Guru menyampaikan pengajaran dengan lebih mudah, lebih menarik dan lebih berkesan dengan menggunakan *Google Plus*. Murid juga dapat membina kemahiran dalam melakukan persembahan kolaboratif untuk menyiapkan persembahan bersama rakan-rakan.

Google Plus merupakan rangkaian sosial yang dapat diaplikasikan dalam pembelajaran kerana *Google Plus* mempunyai kelebihan dan manfaat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tahap murid menggunakan *Google Plus* amat tinggi kerana jaringan sosial ini mempunyai ciri-ciri pembelajaran yang menarik.

Selain itu, rangkaian sosial ini memberikan cara yang berkesan kepada murid dan guru untuk saling berinteraksi antara satu sama lain. Murid lebih berkeyakinan terhadap keupayaan diri dan terlibat secara aktif dalam pembelajaran dan sedia berkongsi pengetahuan mereka bersama rakan-rakan yang lain.

Penutup

Secara keseluruhannya bab ini telah membincangkan dengan lebih jelas mengenai hasil dapatan kajian. Melalui kajian ini, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa penggunaan *Google Plus* sebagai media pengajaran memberi kesan yang lebih signifikan berbanding dengan kaedah tradisional terhadap peningkatan pencapaian akademik murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Ini turut disokong oleh minat dan tahap murid yang sangat tinggi terhadap penggunaan *Google Plus*. Kajian ini turut mengutarakan beberapa cadangan yang dianggap relevan bagi pihak-pihak yang berhubungan dengan pendidikan. Cadangan juga diberikan untuk kajian lanjutan di masa hadapan. Cadangan tersebut dimaksudkan bagi penambahbaikan yang boleh diambil kira untuk kajian-kajian lanjutan di masa akan datang. Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan akan dapat membantu pihak yang berkaitan dalam usaha mencipta kecemerlangan murid.

Rujukan

- Asniza Musa dan Zaidatun Tasir. *Implikasi Alatan Rangkaian Sosial Terhadap Proses Pengajaran dan Pembelajaran*. T.t.p.: Edupress Universiti Teknologi Malaysia, 2010.
- Chua Yan Piaw. *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2011.
- Dallas R. Malhiwsky, "Student Achievement Using Web 2.0 Technologies: A Mixed Methods Study," dicapai 14 Mei 2013, <http://digitalcommons.unl.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1057&cehsdiss.html.2010>
- Duffy, T.M. dan Cunningham, D.J, "Engaging the YouTube Google-Eyed Generation: Strategies for using Web 2.0 in Teaching and Learning," *The Electronic Journal of e-Learning* 6 (2) (2008), 119-130.
- Heick, Terry. "Teaching with Google Plus". Laman sesawang Edutopia, dicapai 15 Mac 2015, <https://www.edutopia.org/blog/teaching-with-google-plus-terry-heick>
- Hui Ching Chung, Melvina and Jamaludin Badusah, "Sikap Guru Bahasa Melayu Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Pengajaran di Sekolah-Sekolah Rendah di Bintulu, Sarawak," *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35 (1) (2010): 59-65.

- Malhiwsky, Dallas R. "Student Achievement Using Web 2.0 Technologies: A Mixed Methods Study." dicapai 14 Mei 2013, <http://digitalcommons.unl.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1057> cehsdiss html.2010
- Mohamed Amin. *Aplikasi Web 2.0 dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011.
- Mohd Azli Yeop dan Abdul Latif Haji Gapor. "Kesan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek Berteraskan Teknologi Terhadap Pencapaian dan Penerimaan Pelajar." Laman sesawang Researchgate, dicapai 14 Feb 2018, [https://www.researchgate.net/publication/304503776_KESAN_PENDEKA_TAN_PEMBELAJARAN_BERASASKAN_PROJEK_BERTE RASKAN_TEKNOLOGI_TERHADAP_PENCAPAIAN_DAN _PENERIMAAN_PELAJAR](https://www.researchgate.net/publication/304503776_KESAN_PENDEKA_TAN_PEMBELAJARAN_BERASASKAN_PROJEK_BERTERASKAN_TEKNOLOGI_TERHADAP_PENCAPAIAN_DAN_PENERIMAAN_PELAJAR)
- Noraini Idris. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Malaysia: The McGraw-Hill Companies, 2010.
- Nur Fadzilah Othman. "Tahap Penggunaan Aplikasi Web 2.0 dalam Kalangan Pelajar institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia". Laporan projek, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2010.
- Siti Salwah Atan dan Jamaludin Badusah. "Web 2.0:Aplikasi Rangkaian Sosial Google Plus dalam Komponen Sastera (Komsas)". Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusastraan Melayu, 2013.
- Zaidatun Tasir, Jacqueline S. Linggu dan Jamalludin Harun, "Penggunaan Alat Rangkaian Sosial di Kalangan Pelajar di Sebuah IPTS di Kota Kinabalu, Malaysia," *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia* 1, no. 1 (2011), 31-47.
- Zawiyah Mohammad Yusof dan Masnizah Mohd. *Globalisasi: Sains Sosial dan Teknologi Maklumat*. Ed. ke-2, Petaling Jaya: Prentice Hall-Pearson, 2007.